

09 JAN 2002

Mahthir-Koizumi

DR MAHATHIR AKAN BINCANG ISU KEGANASAN DENGAN KOIZUMI

PUTRAJAYA, 9 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan membincangkan isu keganasan serta beberapa perkara kepentingan bersama dengan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi dalam pertemuan mereka di sini esok.

"Mungkin isu yang dibawa oleh ASEAN + 3 mengenai isu pendidikan dan sumber manusia akan turut dibincangkan," kata Perdana Menteri kepada pemberita pada majlis sambutan Hari Raya Kementerian Dalam Negeri di sini hari.

Koizumi dijangka tiba esok untuk lawatan sehari dalam rangka kunjungannya ke beberapa negara Asean.

Beliau juga dijadual melawat Filipina, Thailand, Indonesia dan Singapura. Ini merupakan lawatannya yang pertama ke rantau ini selepas menjadi perdana menteri tahun lepas.

Dr Mahathir berkata beliau dan Koizumi juga akan membincangkan mengenai hubungan dua hala dan isu ekonomi.

Ditanya mengenai penangkapan seorang rakyat Malaysia oleh pihak berkuasa Singapura berhubung kegiatan keganasan di republik itu bulan lepas, beliau berkata kerajaan akan memohon membawa pulang rakyat negara ini dari luar negara untuk dibicarakan di sini hanya jika mereka terlibat dalam kes jenayah.

"Ekstradisi biasanya dibuat bagi kes-kes jenayah, dan bagi kes lain, biasanya kita tidak memohon membawa mereka pulang," katanya.

Rakyat Malaysia itu yang merupakan seorang ahli perniagaan berumur 39 tahun dan berasal dari Singapura, diberkas bersama 14 orang lagi mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri republik itu antara 9 dan 24 Dis lepas.

Dr Mahathir berkata kerajaan sedang meneliti tuduhan yang dikenakan oleh kerajaan Singapura terhadap ahli perniagaan itu sebelum mengambil sebarang tindakan.

Hanya apabila siasatan mengesahkan dia terlibat dalam kes jenayah, barulah kerajaan akan memohon agar dia diekstradisi, kata Perdana Menteri.

Ketika diminta mengulas peletakan jawatan Datuk N. Parameswaran sebagai ketua pegawai Pentadbiran Peralihan Bangsa-bangsa Bersatu di Timor Timur (Untaet), Dr Mahathir berkata beliau perlu mengkaji kenapa diplomat Malaysia itu bertindak demikian.

"Saya ingin tahu apa yang dinyatakan dalam laporannya," kata Perdana Menteri.

Parameswaran mendakwa beliau bertindak demikian kerana terdapat gangguan pihak atasan Untaet dan disebabkan dasar "orang putih" dalam misi itu.

--BERNAMA

HK ZS MAI